

GanoCare™ Kurangkan infeksi Ganoderma

Oleh Dr Idris Abu Seman
idris@mpob.gov.my

MPOB memperkenalkan teknologi baja GanoCare™ hasil usaha sama penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama Universiti Putra Malaysia, Serdang dan FELCRA Sdn Bhd sebagai kaedah pengawalan dan pencegahan penyakit Ganoderma yang menyerang pokok sawit.

Produk GanoCare™ adalah rumusan bahan organik seperti serbuk tandan sawit kosong (EFB) dan unsur surih yang berupaya

untuk membina ketahanan pokok sawit daripada jangkitan penyakit dengan menebalkan dingding sel akar pokok.

Kajian di tapak semaiian mendapati aplikasi produk GanoCare™ telah meningkatkan pertumbuhan vegetatif anak pokok sawit dan mengurangkan kejadian penyakit sebanyak 63.5 peratus.

Kajian di ladang menunjukkan anak pokok sawit yang dirawat dengan GanoCare™ masih hidup



Produk GanoCare™ berupaya untuk membina ketahanan pokok sawit daripada jangkitan penyakit”

berbanding dengan 23.3 peratus pokok sawit tanpa rawatan GanoCare™ mati disebabkan jangkitan Ganoderma selepas 30 bulan percubaan dijalankan.

Penggunaan produk GanoCare™ adalah disyorkan untuk meningkatkan pertumbuhan vegetatif anak sawit dan sebagai langkah pencegahan dan penyebaran penyakit Ganoderma ke atas pokok sawit.